31 Disember 2025
31 December 2025
P.U. (A) 481

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI JUALAN (PENGENAAN CUKAI JUALAN BERKENAAN DENGAN KAWASAN DITETAPKAN) (PINDAAN) 2025

SALES TAX (IMPOSITION OF SALES TAX IN RESPECT OF DESIGNATED AREAS) (AMENDMENT) ORDER 2025

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI JUALAN 2018

PERINTAH CUKAI JUALAN (PENGENAAN CUKAI JUALAN BERKENAAN DENGAN KAWASAN DITETAPKAN) (PINDAAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 50 Akta Cukai Jualan 2018 [*Akta 806*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Jualan (Pengenaan Cukai Jualan berkenaan dengan Kawasan Ditetapkan) (Pindaan) 2025**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

Pindaan perenggan 2

2. Perintah Cukai Jualan (Pengenaan Cukai Jualan berkenaan dengan Kawasan Ditetapkan) 2018 [*P.U. (A) 206/2018*] dipinda dalam perenggan 2—

(a) dengan memotong perkataan "pengimportan atau pengangkutan";

(b) dalam subsubperenggan *(a)*, dengan menggantikan perkataan "barang-barang yang berikut ke dalam kawasan ditetapkan tidak termasuk Pulau 1:" dengan perkataan "barang-barang yang diimport atau diangkut ke dalam kawasan ditetapkan tidak termasuk Pulau 1 yang berikut:";

(c) dalam subsubperenggan *(b)*, dengan memasukkan selepas perkataan "ikan bilis" perkataan "yang diimport atau diangkut";

(d) dalam subsubperenggan *(c)*—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan "kenderaan bermotor" perkataan "yang diimport atau diangkut"; dan

(ii) dengan memotong perkataan "dan" di hujung subsubperenggan itu;

(e) dalam subsubperenggan *(d)*—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan "barang bercukai" perkataan "yang diimport atau diangkut"; dan

(ii) dengan menggantikan noktah di hujung subsubperenggan itu dengan koma bernoktah; dan

(f) dengan memasukkan selepas subsubperenggan *(d)* subsubperenggan yang berikut:

"*(e)* kenderaan motor pasang siap yang diimport ke dalam Labuan atau Langkawi di bawah kepala 87.03 dan 87.11 Jadual Pertama kepada Perintah Duti Kastam 2025 [*P.U. (A) 384/2025*] dengan nilai kos, insurans dan tambang melebihi tiga ratus ribu ringgit; dan

(f) kenderaan motor yang dikilangkan di kawasan utama kastam dan diangkut ke dalam Labuan atau Langkawi di bawah kepala 87.03 dan 87.11 Jadual Pertama kepada Perintah Duti Kastam 2025 dengan harga jualan melebihi tiga ratus ribu ringgit tidak termasuk duti eksais, cukai jualan, fi lesen kenderaan motor dan insurans kenderaan motor.".

Dibuat 31 Disember 2025
[KE.HF(152)899/04 JLD 3 (34); MOF.700-2/1/16 JLD17(S)(5); PN(PU2)751/JLD.9]

ANWAR BIN IBRAHIM
Menteri Kewangan

SALES TAX ACT 2018

SALES TAX (IMPOSITION OF SALES TAX IN RESPECT OF DESIGNATED AREAS) (AMENDMENT) ORDER 2025

IN exercise of the powers conferred by section 50 of the Sales Tax Act 2018 [*Act 806*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Sales Tax (Imposition of Sales Tax in respect of Designated Areas) (Amendment) Order 2025**.

(2) This Order comes into operation on 1 January 2026.

Amendment of paragraph 2

2. The Sales Tax (Imposition of Sales Tax in respect of Designated Areas) Order 2018 [*P.U. (A) 206/2018*] is amended in paragraph 2—

(a) by deleting the words "the importation or transportation of";

(b) in subsubparagraph *(a)*, by substituting for the words "the following goods into the designated area excluding Pulau 1:" the words "goods imported or transported into the designated area excluding Pulau 1 as follows:";

(c) in subsubparagraph *(b)*, by inserting after the word "anchovies" the words "imported or transported";

(d) in subsubparagraph *(c)*—

(i) by inserting after the words "motor vehicles" the words "imported or transported"; and

(ii) by deleting the word "and" at the end of the subsubparagraph;

(e) in subsubparagraph *(d)*—

(i) by inserting after the words "taxable goods" the words "imported or transported"; and

(ii) by substituting for the full stop at the end of the subsubparagraph a semicolon; and

(f) by inserting after subsubparagraph *(d)* the following subsubparagraphs:

"*(e)* completely built-up motor vehicles imported into Labuan or Langkawi under headings 87.03 and 87.11 of the First Schedule to the Customs Duties Order 2025 [*P.U. (A) 384/2025*] with cost, insurance and freight value exceeding three hundred thousand ringgit; and

(f) motor vehicles manufactured in the principal customs area and transported into Labuan or Langkawi under headings 87.03 and 87.11 of the First Schedule to the Customs Duties Order 2025 with the sales price exceeding three hundred thousand ringgit excluding excise duties, sales tax, motor vehicle licence fee and motor vehicle insurance.".

Made 31 December 2025
[KE.HF(152)899/04 JLD 3 (34); MOF.700-2/1/16 JLD17(S)(5); PN(PU2)751/JLD.9]

ANWAR BIN IBRAHIM
Minister of Finance